

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

PLG 222 - Psikologi Pendidikan I (Teori-Teori Pembelajaran)

Tarikh: 5 November 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi  
(2 jam)

Arahan

Baca dengan teliti arahan, sebelum menjawab soalan. Kertas soalan ini dibahagi kepada dua bahagian, Bahagian A dan Bahagian B.

Anda dikehendaki menjawab DUA soalan, satu dari Bahagian A dan satu lagi dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

Bahagian A mengandungi tiga soalan. Pilih hanya SATU dan menjawab.

1. (a) Apakah "Undang-undang Kesan" atau "Law of Effect"? Bincangkan bagaimana B.F. Skinner menggunakan konsep ini dalam kajian-kajian pelaziman operannya dengan merujuk kepada rancangan-rancangan pengukuhan.

(25 markah)

- (b) Dengan menggunakan contoh-contoh spesifik, bincangkan bagaimana pengajaran terancang atau teks terancang berkaitan dengan pelaziman operan dan dapat digunakan dalam pembelajaran.

(25 markah)

2. (a) Terangkan apakah konsep pelaziman yang diperkenalkan oleh Pavlov dan eksperimen-eksperimen yang dilakukannya.

(25 markah)

- (b) Dalam model pengubahsuai tingkah laku, ada beberapa konsep pelaziman klasik digunakan. Namakan mereka dan terangkan dengan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

...2/-

3. (a) Apakah parameter-parameter penting dalam penganalisaan kognitif interaksi di antara manusia?

(10 markah)

Terangkan perhubungan di antara parameter-parameter ini.

(15 markah)

- (b) Dengan merujuk kepada model kognitif ini, terangkan dengan contoh-contoh aspek-aspek interaksi guru-murid di dalam bilik darjah.

(25 markah)

**BAHAGIAN B** (50 markah)

Bahagian B mengandungi tiga soalan. Pilih hanya **SATU** dan menjawab.

4. (a) Apakah itu lupaan? Terangkan bagaimana proses lupaan berlaku dengan menggunakan contoh-contoh di mana perlu.

(25 markah)

- (b) Apakah proses-proses yang boleh kamu gunakan untuk mengekalkan ingatan kanak-kanak? Cuba terangkan dengan contoh-contoh.

(25 markah)

5. (a) Bincangkan perbezaan di antara ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang.  
Bagaimanakah ingatan jangka pendek itu dijadikan ingatan jangka panjang?

(25 markah)

...3/-

(b) Bincangkan kegunaan ingatan jangka panjang dalam proses pembelajaran.

(10 markah)

(c) Apakah kaitan di antara ingatan dan proses penanggapan dan perhatian.

(15 markah)

6. (a) Bincangkan model pemprosesan maklumat dan implikasinya kepada perbezaan individu.

(25 markah)

(b) Ahli-ahli psikologi menyatakan bahawa perbezaan pencapaian mungkin adalah berhasil daripada perbezaan individu. Jelaskan perbezaan pencapaian itu.

(25 markah)

ooo0000ooo

